KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## LAPORAN HARIAN AHAD, 19 OKTOBER 2025



JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN TAGS

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



19/10/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 1 | **KPWKM SOKONG SOP BAHARU PERCEPAT KES MAHKAMAH KANAK-KANAK** | | POSITIF |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpwkm-sokong-sop-baharu-percepat-kes-mahkamah-kanak-kanak | BERITA.RTM.GOV.MY | |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/selesai-kes-kanak-kanak-dalam-tempoh-setahun-seiring-hasrat-kpwkm/ | BULETINTV3.MY | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1460578/sop-selesaikan-kes-kanak-kanak-dalam-tempoh-setahun-selaras-hasrat | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1277279/selesai-kes-kanak-kanak-dalam-tempoh-setahun-seiring-hasrat-kpwkm | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2480474 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1277279/selesai-kes-kanak-kanak-dalam-tempoh-setahun-seiring-hasrat-kpwkm | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpwkm-sokong-sop-baharu-percepat-kes-mahkamah-kanakkanak-543532 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://www.theborneopost.com/2025/10/18/ministry-supports-new-sop-for-faster-resolution-of-child-cases/ | THEBORNEOPOST.COM | |
| | https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2480456 | BERNAMA.COM | |
| | https://suarasarawak.my/kpwkm-sokong-proses-penyelesaian-kes-kanak-kanak-dipercepat/ | SUARASARAWAK.MY | |
| | https://www.tvsarawak.my/2025/10/18/kpwkm-mahu-kes-kanak-kanak-diselesaikan-segera/ | TVSARAWAK.MY | |
| | https://thesun.my/malaysia-news/new-sop-ensures-child-court-cases-resolved-within-one-year-BH15123367 | THESUN.MY | |
| | https://www.thevibes.com/articles/news/114249/new-set-sop-to-fast-track-resolve-child-court-set-cases-withing-one-year-commended | THEVIBES.COM | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=pFQZnpJf6Gc | YOUTUBE | |

19/10/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 2 | **KES TIKAM PELAJAR: KPWKM SEDIA TAWAR SOKONGAN EMOSI, KAUNSELING** | | POSITIF |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/kes-tikam-pelajar-kpwkm-sedia-tawar-sokongan-emosi-kaunseling/ | BULETINTV3.MY | |
| | https://www.tvsarawak.my/2025/10/18/sokongan-psikososial-kepada-keluarga-mangsa/ | TVSARAWAK.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 3 | **KERAJAAN KAJI SEMULA HUKUMAN ROTAN DI SEKOLAH – NANCY** | | POSITIF |
| | https://suarasarawak.my/kerajaan-kaji-semula-hukuman-rotan-di-sekolah-nancy/ | SUARASARAWAK.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 4 | **MODUL PENDIDIKAN KELUARGA DAN KANAK-KANAK DIPERKASA** | | POSITIF |
| | https://www.tvsarawak.my/2025/10/18/modul-pendidikan-keluarga-dan-kanak-kanak-diperkasa/ | TVSARAWAK.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 5 | **DISIPLIN KANAK-KANAK PERLU BERASASKAN KASIH SAYANG** | | POSITIF |
| | https://www.tvsarawak.my/2025/10/18/disiplin-kanak-kanak-perlu-berasaskan-kasih-sayang/ | TVSARAWAK.MY | |

19/10/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 6 | **LPPKN TERIMA RM16.6 JUTA PERKUKUH PROGRAM KESUBURAN DAN KEIBUBAPAAN – NANCY** | | POSITIF |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php/dunia/am/news.php?id=2480441 | BERNAMA.COM | |
| | https://thesun.my/malaysia-news/lppkn-gets-rm166-million-for-fertility-and-parenting-programmes-FH15123350 | THESUN.MY | |
| | https://www.bernama.com/en/news.php/?id=2480482 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2025/10/1297457/rm166mil-strengthen-fertility-parenting-programmes-nancy | NST.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 7 | **KEMPEN ‘AWAK OK TAK?’ BERI RUANG MASYARAKAT KONGSI EMOSI** | | POSITIF |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/753112/video/kempen-quotawak-ok-takquot-oleh-kpwkm-untuk-kesedaran-kesihatan-mental | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=fw27pEkU_CI | YOUTUBE | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 8 | **REFORMASI UNDANG-UNDANG ROGOL ATASI ISU SEKS REMAJA BAWAH UMUR** | | POSITIF |
| | https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2025/10/1460586/reformasi-undang-undang-rogol-atasi-isu-seks-remaja-bawah-umur | BHARIAN.COM.MY | |

19/10/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 9 | **AKTA KANAK-KANAK 2001 MASIH RELEVAN TANGANI JENAYAH REMAJA – PEGUAM** | | POSITIF |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/akta-kanak-kanak-2001-masih-relevan-tangani-jenayah-remaja-%E2%80%93-peguam | BERITA.RTM.GOV.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 10 | **JPW TERUSKAN KOMITMEN PERKASA MASYARAKAT LUAR BANDAR MENERUSI PROGRAM KAM** | | POSITIF |
| | https://suara.tv/18/10/2025/jpw-teruskan-komitmen-perkasa-masyarakat-luar-bandar-menerusi-program-kam/ | SUARA.TV | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 11 | **RAKYAT PAHANG PERLU MANFAATKAN PELBAGAI BANTUAN DI BAWAH I.M PAHANG** | | POSITIF |
| | https://pahangmedia.my/archives/49203 | PAHANGMEDIA.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 12 | **KES MAHKAMAH BABITKAN KANAK-KANAK MESTI SELESAI DALAM TEMPOH SETAHUN** | | POSITIF |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1277186/kes-mahkamah-babitkan-kanak-kanak-mesti-selesai-dalam-tempoh-setahun | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.malaymail.com//news/malaysia/2025/10/18/law-minister-child-related-court-cases-must-be-settled-in-one-year-under-new-sop/195045 | MALAYMAIL.COM | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1460529/kes-babit-kanak-kanak-perlu-diselesaikan-dalam-tempoh-setahun | BHARIAN.COM.MY | |

19/10/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| | https://www.sinarharian.com.my/article/753079/berita/semasa/sop-khas-kes-kanak-kanak-diumumkan-minggu-depan---azalina | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2480350 | BERNAMA.COM | |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/sop-khas-kes-mahkamah-libatkan-kanak-kanak-diumum-minggu-depan | BERITA.RTM.GOV.MY | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/10/sop-khas-percepat-penyelesaian-kes-kanak-kanak/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/10/18/sop-khas-kendali-kes-kesalahan-kanak-kanak-dilancarkan-minggu-depan/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/10/18/kes-mahkamah-babit-kanak-kanak-perlu-selesai-setahun-kata-azalina | FREEMALAYSIATODAY.COM | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-mahkamah-libatkan-kanakkanak-mesti-diselesai-dalam-tempoh-setahun-azalina-543494 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://malaysiagazette.com/2025/10/18/sop-khas-kendali-kes-kes-kesalahan-libat-kanak-kanak-diumum-minggu-depan/ | MALAYSIAGAZETTE.COM | |
| | https://www.scoop.my/berita/271641/kes-mahkamah-libatkan-kanak-kanak-perlu-diselesaikan-dalam-setahun-azalina/ | SCOOP.MY | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/10/18/cases-involving-children-must-conclude-within-one-year-says-azalina | THESTAR.COM.MY | |
| | https://www.malaysiakini.com/news/758450 | MALAYSIAKINI.COM | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=BbX0OIhhbKc | YOUTUBE | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=YfR-klxStwM | YOUTUBE | |




19/10/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 13 | **USAHAWAN WANITA PERLU KUASAI TEKNOLOGI, PASARAN DIGITAL – AHMAD ZAHID** | | **POSITIF** |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/usahawan-wanita-perlu-kuasai-teknologi-pasaran-digital-ahmad-zahid/ | BULETINTV3.MY | |
| | https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2480435 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2025/10/1277302/usahawan-bumiputera-wanita-perlu-fokus-perluas-pasaran-global | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2480450 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/10/18/think-global-zahid-tells-bumiputera-women-entrepreneurs | FREEMALAYSIATODAY.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 14 | **REMAJA LELAKI JADI MANGSA GANGGUAN SEKSUAL SIAK MASJID** | | **NEGATIF** |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1277045/remaja-lelaki-jadi-mangsa-gangguan-seksual-siak-masjid | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1460408/remaja-lelaki-trauma-jadi-mangsa-gangguan-seksual-siak-masjid | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2025/10/1297151/boy-sexually-harassed-acquaintance-he-hitched-ride | NST.COM.MY | |
| | https://lobakmerah.com/polis-terima-aduan-remaja-lelaki-jadi-mangsa-gangguan-seksual-siak-masjid/ | LOBAKMERAH.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 15 | **DEBT-STRICKEN FATHER ABANDONS TWO YOUNG SONS IN APARTMENT** | | **NEGATIF** |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2025/10/1297473/debt-stricken-father-abandons-two-young-sons-apartment | NST.COM.MY | |




19/10/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 16 | **IBU, ANAK DIPERCAYAI DIBUNUH DALAM KEADAAN MENGERIKAN** | | **NEGATIF** |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2025/10/1277359/ibu-anak-dipercayai-dibunuh-dalam-keadaan-mengerikan | HMETRO.COM.MY | |

# KPWKM sokong SOP baharu percepat kes mahkamah kanak-kanak

Nasional - Dicipta: 18 Oktober 2025 08:28 PM




*Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri menyampaikan hadiah kepada wakil sekolah yang memenangi acara Cerita Rakyat sempena Perasmian Program Kasih Keluarga dan pelancaran Kick Off Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan 2025 di Santubong, Sarawak /BERNAMA*

***KUCHING, 18 Oktober***- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyokong usaha menetapkan prosedur operasi standard, (SOP) bagi mempercepatkan proses mahkamah melibatkan kanak-kanak agar dapat diselesaikan dalam tempoh kurang setahun.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, langkah itu penting bagi memastikan kebajikan kanak-kanak dilindungi segera.

Tambahnya, pelaksanaan SOP itu selari dengan tanggungjawab kementeriannya dalam menjaga kebajikan anak-anak.

“Memang itu salah satu daripada hasrat kita. Cuma kita tidak dapat mencampur aduk dengan bidang kuasa di bawah Kementerian Undang-Undang. Tapi oleh kerana ia telah diperkenalkan,disarankan, memang kita menyokong. Sebab itulah salah satu cara terbaik supaya ia dipatuhi, ” katanya.

Datuk Seri Nancy berkata demikian selepas merasmikan Program KASIH Keluarga dan Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan di Kampung Santubong, Kuching.

Terdahulu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said menyatakan bahawa kerajaan akan menetapkan SOP baharu bagi memastikan semua kes mahkamah membabitkan kanak-kanak diselesaikan dalam tempoh setahun dan ia yang akan dilancarkan pada 24 Oktober ini.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | NEW SOP ON ALL CASES INVOLVING CHILDREN OBTAINS FULL MINISTRY'S SUPPORT | | | |
| HARI | : | SUNDAY | AKHBAR | : | THE SUNDAY POST |
| TARIKH | : | 19 OKTOBER 2025 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# New SOP on all cases involving children obtains full ministry's support

**KUCHING:** The Women, Family and Community Development Ministry supports the introduction of a new standard operating procedure (SOP) aimed at ensuring that all cases involving children would be resolved within a year.

According to the minister Datuk Seri Nancy Shukri, the guideline, set to be launched this Oct 24 at the Palace of Justice in Putrajaya, is expected to assist her ministry in expediting the handling of child-related cases.

"That has always been one of our aspirations. Although we cannot interfere with matters under the jurisdiction of the Ministry of Law, since the proposal has been put forward, we fully support it.

"As we are responsible for matters concerning children, this will make our work much easier," she said in a press conference, called after launching the 'Kasih Keluarga Programme' and 'National Family Month 2025' in conjunction with Santubong Day.

On the proposal of reintroduceing caning in schools, the Santubong MP said public feedback should be carefully considered.

"Sometimes, when we are too eager to act, such measures may not be well-received, especially by children. They may become fearful of going to school.

"This is not a policy to be implemented immediately.

"There are still many aspects being discussed and not yet finalised," she added.

On the government's proposal to set the minimum age for social media use at 16, Nancy said discussions were still ongoing.

"We are observing how other countries that have introduced such policies are implementing them.

"We are still in the process of educating the public on proper smartphone use, we must also become experts in this area.

"This issue has been discussed in our family-oriented programmes, where we also educate parents to help them better understand it," she explained.

On the recent murder of a girl at a school in Bandar Utama, Nancy said officers from the Welfare Department had already engaged with the victim's family.

"It is our responsibility to ensure that they receive the necessary support, particularly in terms of counselling," she said.

# Kes tikam pelajar: KPWKM sedia tawar sokongan emosi, kaunseling

18 Oktober 2025, 7:32pm




**Oleh: Kadir Edison**

**KUCHING:** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bersedia memberikan sokongan emosi serta bantuan kaunseling kepada keluarga pelajar perempuan yang maut ditikam, termasuk keluarga suspek, sekiranya mereka memerlukan.

Bagaimanapun, menurut kementerian, sebarang tindakan intervensi hanya akan dilakukan selepas semua pihak yang terbabit benar-benar bersedia menerima bantuan tersebut.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata pegawai daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah turun padang sejurus selepas insiden dilaporkan bagi menilai keperluan keluarga mangsa.

"Pegawai kami, terutama sekali JKM, terus pergi ke keluarga mangsa tersebut. Tapi dari segi keluarga pihak yang terbabit itu, kami belum dapat mendekati mereka kerana ini dalam siasatan polis, maka kami tidak boleh mengganggu.

"Biarlah mereka dulu, tenangkan mereka. Jadi kita akan melihat keadaannya sama ada sesuai atau tidak untuk kita pergi mendekati mereka. Sebab saya rasa mereka masih lagi trauma juga," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Program Kasih Keluarga dan melancarkan Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan 2025 di sini, hari ini.

Tambah Nancy, kementerian akan menyalurkan bantuan secara berperingkat bergantung kepada tahap kesediaan keluarga kedua-dua pihak, selaras dengan pendekatan menyeluruh kerajaan dalam menangani kes membabitkan remaja.

Langkah itu bukan sahaja tertumpu kepada aspek perundangan, tetapi turut memberi penekanan terhadap proses pemulihan sosial dan emosi bagi membantu keluarga mangsa serta suspek menghadapi kesan trauma.

"KPWKM komited memastikan setiap keluarga yang terkesan menerima sokongan mencukupi agar mereka dapat bangkit semula dan menjalani kehidupan dengan lebih stabil," jelasnya.


*Nancy bergambar kenangan bersama tetamu kehormat dan pengunjung Hari Santubong. (ALIF NONI)*

## Kerajaan kaji semula hukuman rotan di sekolah – Nancy

**KUCHING:** Cadangan mengembalikan hukuman rotan di sekolah akan dikaji semula berdasarkan maklum balas orang awam bagi memastikan pelaksanaannya seimbang dan sesuai dengan keperluan masyarakat.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, cadangan mengembalikan semula hukuman rotan di sekolah masih dalam perbincangan dan belum capai keputusan muktamad.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Program Kasih Keluarga dan pelancaran Bulan Keluarga Kebangsaan 2025 sempena Hari Santubong di Dataran Astaka Lagenda, Kampung Santubong, hari ini.

Nancy menambah, pandangan masyarakat perlu diteliti dengan berhati-hati kerana keputusan yang dibuat secara tergesa-gesa boleh membawa kepada pelaksanaan dasar yang tidak digemari, terutama dalam kalangan pelajar yang mungkin berasa takut untuk hadir ke sekolah.

Mengenai cadangan pengharaman telefon bimbit di sekolah, Nancy berkata kerajaan akan menilai sentimen masyarakat sebelum melaksanakannya.

"Saya sendiri telah bertanya kepada remaja tentang pandangan mereka, dan responnya bercampur — ada yang bersetuju, manakala ada juga yang mahu ia dilaksanakan dengan syarat tertentu.

Nancy turut berkata, cadangan menetapkan had umur untuk penggunaan media sosial juga telah dibangkitkan, namun masih belum dilaksanakan.

"Memandangkan perkara ini masih dalam perbincangan, kita sedang meneliti pelaksanaan di negara lain yang sudah melaksanakan dasar seumpamanya.

"Kita sedang berusaha mendidik masyarakat mengenai penggunaan telefon pintar secara berhemah termasuk mendidik ibu bapa supaya memahami isu ini," ujarnya.

Inisiatif itu memerlukan pendekatan seluruh negara, melibatkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Kesihatan, serta agensi berkaitan lain.

Menurut Nancy, keutamaan kementeriannya ialah memperkukuh asas pembangunan keluarga dan kanak-kanak.

"Kita perlu memperkaya modul serta meningkatkan pengetahuan pegawai-pegawai kita.

"Kita mesti memahami diri sendiri dahulu sebelum dapat mendidik orang lain. Itulah yang sedang kita laksanakan," katanya.




*Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato Sri Nancy Shukri menyampaikan hadiah kepada pemenang di Program Kasih Keluarga dan pelancaran Bulan Keluarga Kebangsaan 2025.*

# Modul pendidikan keluarga dan kanak-kanak diperkasa

*By* ***TVS*** **#bm, Berita Sarawak** **October 18, 2025** **7:09 PM**

KUCHING, 18 Okt: Kerajaan akan memperkasa modul pendidikan keluarga dan kanak-kanak dengan penekanan terhadap literasi digital dan keselamatan dalam talian sebagai langkah proaktif menangani pengaruh media sosial yang semakin mencabar terhadap remaja dan kanak-kanak.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, pelaksanaan modul itu memerlukan kerjasama melibatkan pelbagai agensi bagi membentuk ekosistem digital yang lebih selamat khususnya untuk golongan rentan.

"Untuk membimbing orang ramai menggunakan telefon pintar dengan betul, kita sendiri perlu mahir dan menjadi pakar dalam hal ini. Kita telah berbincang bagaimana untuk melaksanakannya melalui program kementerian.

"Ibu bapa juga perlu dibekalkan ilmu supaya mereka memahami. Seluruh ekosistem masyarakat perlu bergerak bersama," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Program Kasih Keluarga dan Pelancaran Bulan Keluarga Kebangsaan 2025 di sini, hari ini.

Nancy menjelaskan, modul tersebut akan menumpukan kepada beberapa aspek utama termasuk bimbingan kepada ibu bapa, peningkatan kesedaran pelajar serta pemantapan keupayaan agensi dalam mendidik masyarakat menggunakan teknologi secara berhemah.

Menurutnya, inisiatif itu mencerminkan komitmen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) untuk melahirkan generasi muda yang celik teknologi, bertanggungjawab dan bersedia menghadapi cabaran dunia maya dengan matang serta selamat.

"Langkah ini juga bagi melindungi kanak-kanak daripada risiko buli siber, eksploitasi serta pendedahan kepada kandungan berbahaya selaras dengan agenda kerajaan memperkukuh keselamatan digital negara," ujarnya.-TVS



Datuk eri Nancy Shukri pada Program Kasih Keluarga dan Pelancaran Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan 2025 di Kuching pada Sabtu. Foto TVS

# Disiplin kanak-kanak perlu berasaskan kasih sayang

*By* ***TVS*** **#bm, Berita Sarawak** **October 18, 2025** **7:40 PM**

KUCHING, 18 Okt: Pembentukan sahsiah kanak-kanak perlu berasaskan pengukuhan nilai kekeluargaan dan sokongan komuniti bukannya melalui hukuman fizikal seperti rotan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, sebarang pendekatan disiplin dalam sistem pendidikan hendaklah dilaksanakan secara berhati-hati bagi mengelakkan trauma dan tekanan emosi terhadap kanak-kanak.

"Kadang-kadang, dalam keadaan emosi atau tegas, prosedur disiplin boleh menjadi tidak digemari oleh kanak-kanak.

"Mereka mungkin takut untuk ke sekolah. Oleh itu, pendekatan yang lebih berhemah dan positif amat penting," katanya pada sidang media selepas merasmikan Program Kasih Keluarga dan Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan 2025 di Kuching, hari ini.

Nancy menjelaskan, kementeriannya kini sedang merangka modul kekeluargaan baharu yang lebih menyeluruh dan inklusif dengan fokus kepada pembentukan disiplin melalui kasih sayang, bimbingan, dan sokongan positif bukannya ketakutan.

"Pendekatan ini dijangka dapat memperkukuh hubungan antara murid, keluarga dan sekolah, sekali gus mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih selamat, positif dan menyokong perkembangan emosi kanak-kanak," ujarnya.-TVS

# LPPKN Terima RM16.6 Juta Perkukuh Program Kesuburan Dan Keibubapaan – Nancy

18/10/2025 08:35 PM




Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri (tengah) merasmikan Program Kasih Keluarga dan pelancaran Kick Off Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan 2025 di Santubong. Turut hadir, Pengerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Datuk Seri Rohani Karim (dua, kiri).

KUCHING, 18 Okt (Bernama) -- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyalurkan RM16.6 juta kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) bagi melaksanakan program bantuan dan evokasi kesuburan serta aktiviti kekeluargaan yang memberi manfaat pada masyarakat.

Menterinya Datuk Seri Nancy Shukri berkata peruntukan tersebut merupakan sebahagian daripada RM4.187 bilion dalam Belanjawan 2026 diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim kepada kementeriannya baru-baru ini bagi memperkukuh kesejahteraan wanita, keluarga dan masyarakat.

"Ia bagi melaksanakan inisiatif yang menyentuh terus kehidupan rakyat seperti Program Bantuan Kesuburan dan Advokasi Inferliti, Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEKERTI), kependidikan ibu bapa serta Agenda Nasional Keluarga Negara.

"Peruntukkan ini bukan sekadar angka atas kertas, ia juga bukti Kerajaan MADANI terus berusaha menjaga akar kekuatan negara iaitu keluarga kita sendiri," katanya semasa berucap pada Majlis Perasmian Program Kasih Keluarga dan 'Kick Off' Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan 2025 di Santubong, di sini hari ini.

Turut hadir Ketua Pengarah LPPKN Abdul Shukur Abdullah dan Pengerusi LPPKN Datuk Seri Rohani Abdul Karim.

Nancy berkata langkah itu juga merupakan antara usaha kerajaan menggalakkan pertambahan kadar kelahiran di negara ini.

"Kita masih lagi kekurangan dari segi penduduk, jadi kita galakkan pasangan berkahwin supaya jika ada rezeki segera menimang cahaya mata bagi menambah bilangan penduduk negara.

"Kami memikirkan dan membincangkan supaya program keibubapaan ini dapat dikuatkan lagi kerana mereka berhadapan cabaran besar dalam mendidik anak-anak di era moden, terutama dengan pengaruh gajet dan media sosial.

"Sebab itu kami akan memperkukuh pendidikan keibubapaan dan nilai kekeluargaan," katanya.

Pada masa sama, Nancy berkata program Kasih Keluarga tersebut turut menjadi pelancaran kepada Bulan Keluarga Kebangsaan 2025, yang disambut sepanjang November dengan tema menekankan kepentingan institusi keluarga sebagai asas kekuatan negara.

Tambah beliau peruntukan itu dilihat sebagai langkah strategik kementerian dalam memperkukuh institusi kekeluargaan dan menangani isu sosial serta kadar kesuburan rendah di Malaysia.




# Kempen 'Awak OK Tak?' beri ruang masyarakat kongsi emosi

18 Oktober 2025 | VIDEO Follow

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil langkah berani melancarkan kempen nasional 'Awak OK Tak? bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kesihatan mental.

Menteri KPWKM, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, orang awam yang masih malu dan takut untuk berkongsi masalah peribadi boleh menghubungi Talian Kasih 15999 untuk mendapatkan bantuan serta sokongan emosi.

"Kita mahu ubah stigma terhadap isu kesihatan mental. Kadang-kadang pertanyaan kecil seperti 'Awak OK tak?' boleh memberi makna besar kepada seseorang yang sedang berjuang dalam diam," ujarnya.

Kasih Fun Run 2025 'Awak OK Tak?' hasil kolaborasi Yayasan Kebajikan Negara (YKN) bersama KPWKM dan SinarPlus di Dataran DBKL, Kuala Lumpur, bersempena Hari Kesihatan Mental Sedunia dan Bulan Kaunseling Kebangsaan.

# Reformasi undang-undang rogol atasi isu seks remaja bawah umur

Oleh Muhammad Izwan Ikhsan - Oktober 18, 2025 @ 6:03pm
bhrencana@bh.com.my



Foto hiasan.

Isu hubungan seks bawah umur atas dasar suka sama suka semakin mendapat perhatian masyarakat dan pihak berkuasa. Cadangan agar remaja perempuan turut didakwa mencetuskan perdebatan hangat, terutama apabila statistik menunjukkan hampir 90 peratus kes rogol bawah umur berlaku secara rela antara pasangan remaja.

Persoalannya, adakah undang-undang semasa yang hanya menghukum remaja lelaki masih relevan? Atau sudah tiba masanya untuk meletakkan liabiliti undang-undang sama kepada remaja perempuan?

Menurut Seksyen 375(g) Kanun Keseksaan, hubungan seksual dengan gadis bawah umur 16 tahun tetap dikira sebagai rogol, walaupun dengan persetujuannya. Undang-undang menganggap kanak-kanak perempuan bawah umur tidak mempunyai kapasiti sah untuk memberikan persetujuan seksual.

Maka dari sudut perundangan, kerelaan tidak relevan dalam membuktikan kesalahan rogol statutori. Dalam kes PP lwn Mohammad Ridwan Mohd Fauzi (2015), mahkamah memutuskan elemen kerelaan bukanlah syarat dalam pertuduhan rogol statutori, namun ia boleh diambil kira dalam menentukan hukuman sesuai. Ini menunjukkan walaupun undang-undang bersifat ketat, mahkamah masih mempunyai ruang untuk menilai konteks dan fakta kes secara menyeluruh.

Cadangan Ketua Polis Kelantan, Datuk Mohd Yusoff Mamat, agar remaja perempuan turut dikenakan tindakan undang-undang jika terbabit secara rela dalam hubungan seks bawah umur, mencetuskan pelbagai reaksi.

Beliau menyatakan hampir 90 peratus kes rogol bawah umur di Kelantan berlaku atas dasar suka sama suka, bukan paksaan. Menurut beliau, pendekatan undang-undang hanya menghukum remaja lelaki perlu disemak semula.

Secara analogi, jika remaja perempuan boleh didakwa atas jenayah lain seperti rompakan atau pembunuhan, maka tiada sebab mereka tidak boleh didakwa dalam kes seksual jika terbukti terbabit secara rela.

Namun, cadangan ini menerima kritikan pelbagai pihak. Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail menyifatkan kenyataan itu sebagai pandangan peribadi yang belum dibincangkan secara rasmi.

Lawyers for Liberty menyifatkannya sebagai bercanggah dengan prinsip perlindungan kanak-kanak seperti digariskan di bawah Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak. Dari perspektif perlindungan kanak-kanak, undang-undang rogol statutori digubal untuk melindungi mereka daripada eksploitasi seksual.

Kanak-kanak perempuan dianggap belum matang dari segi fizikal, mental dan emosi, sekali gus mudah terdedah kepada manipulasi. Oleh itu, mereka tidak boleh dianggap sebagai pelaku jenayah walaupun terbabit secara rela.

Statistik daripada Bahagian Siasatan Seksual Wanita dan Kanak-Kanak (D11) Bukit Aman menunjukkan dari 2019 hingga Julai 2023, sebanyak 5,549 kes rogol bawah umur direkodkan dan 5,506 daripadanya berlaku atas dasar suka sama suka.

Mangsa termuda dilaporkan berusia 10 tahun dan lebih 1,400 kes membabitkan kehamilan bawah umur. Realiti ini menunjukkan hubungan seksual bawah umur bukan lagi semata-mata isu paksaan, tetapi juga keterlanjuran akibat pengaruh media sosial, kurangnya pendidikan seksual dan pengawasan ibu bapa.

Dalam banyak kes, laporan dibuat hanya selepas kehamilan berlaku dan ini menimbulkan dilema apabila hanya remaja lelaki didakwa.

Dalam menilai kewajaran mendakwa remaja perempuan dalam kes rogol bawah umur, wajar kita meninjau pendekatan negara lain yang lebih progresif dan seimbang. Di United Kingdom (UK), Akta Kesalahan Seksual 2003 memperkenalkan konsep close-in-age exemption atau 'pengecualian umur rapat' yang membolehkan hubungan seksual antara remaja sebaya tidak dianggap sebagai jenayah, selagi tiada unsur paksaan atau eksploitasi. Ini bertujuan mengelakkan remaja daripada dikenakan hukuman jenayah yang boleh menjejaskan masa depan mereka.

**Pendekatan lebih progresif dan seimbang**

Di Australia, negeri seperti Victoria dan New South Wales mengecualikan remaja daripada dikenakan tindakan jenayah jika berlaku persetubuhan dengan kerelaan. Namun, undang-undang tetap tegas terhadap individu dewasa yang mengeksploitasi remaja bawah umur.

Indonesia, melalui Undang-Undang Sistem Peradilan Pidana Anak, menekankan prinsip keadilan restoratif dan 'lencongan', iaitu penyelesaian kes di luar mahkamah bagi mengelakkan stigma terhadap kanak-kanak berkonflik dengan undang-undang termasuk remaja lelaki dan perempuan terbabit dalam seks bebas. Pendekatan ini menekankan pemulihan dan integrasi sosial berbanding hukuman semata-mata.

Di negara ini, cadangan reformasi undang-undang rogol bawah umur sedang dikaji Jawatankuasa Reformasi Undang-Undang Jenayah di bawah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang.

Menteri Undang-Undang, Datuk Seri Azalina Othman Said, menegaskan prinsip asas undang-undang rogol statutori adalah untuk melindungi kanak-kanak, bukan menghukum mereka.

Namun, dalam menghadapi realiti sosial semakin kompleks, beberapa cadangan reformasi dikemukakan pakar dan aktivis. Antaranya, pengecualian umur rapat (Romeo and Juliet Clause) yang membolehkan hubungan seksual antara remaja sebaya tidak diklasifikasikan sebagai rogol statutori.

Selain itu, mahkamah perlu diberi ruang untuk menilai tahap kematangan mental dan emosi mangsa serta tertuduh, agar hukuman dijatuhkan benar-benar mencerminkan keadilan, bukan semata-mata berdasarkan umur mangsa.

Pendidikan seksual komprehensif juga perlu diperkenalkan di sekolah, merangkumi aspek persetujuan, hak tubuh, bahaya pornografi, risiko kehamilan dan penyakit serta nilai moral. Ini akan membina daya tahan remaja terhadap pengaruh negatif dan eksploitasi.

Di samping itu, remaja terbabit dalam hubungan seksual bawah umur perlu diberikan akses kepada kaunseling, sokongan psikologi dan program pemulihan, bukan dihukum seperti pesalah dewasa.

Pendekatan ini selari dengan prinsip keadilan restoratif yang menekankan pemulihan berbanding pembalasan. Pembabitan komuniti, ibu bapa, guru dan institusi agama juga amat penting dalam usaha pencegahan serta pendidikan awal. Pendekatan menyeluruh membabitkan pelbagai pihak akan lebih berkesan dalam membendung gejala seks bawah umur.

Isu hubungan seksual bawah umur bukanlah sekadar soal undang-undang, tetapi mencerminkan cabaran sosial, pendidikan dan moral lebih luas. Dalam menangani isu ini, Malaysia perlu melangkah ke hadapan dengan pendekatan lebih holistik, adil serta berperikemanusiaan.

Undang-undang bukan sekadar alat untuk menghukum, tetapi juga cerminan nilai masyarakat. Maka, reformasi undang-undang rogol bawah umur perlu dilakukan dengan penuh hikmah, berasaskan realiti sosial dan berpaksikan prinsip perlindungan terhadap kanak-kanak serta keadilan untuk semua pihak.

**Penulis adalah Pensyarah Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sabah**

# Akta Kanak-Kanak 2001 masih relevan tangani jenayah remaja – Peguam

Nasional - Dicipta: 18 Oktober 2025 12:52 PM




Peguam, Zulkifli Awang/RTM

***KUALA LUMPUR, 18 Oktober*** -Akta Kanak-Kanak 2001 masih relevan dan sesuai digunakan dalam menangani kes jenayah melibatkan remaja pada masa ini.

Peguam, Zulkifli Awang berkata, perintah-perintah yang diperuntukkan bawah akta tersebut masih bersesuaian dengan keperluan semasa, namun tanggapan masyarakat sering kali melihat hukuman yang dikenakan terhadap remaja sebagai terlalu ringan.

"Akta ini masih relevan, perintah-perintah yang termaktub di dalam akta ini amat bersesuaian sebenarnya, cuma stigma masyarakat yang mengatakan bahawa perintah-perintah ini terlalu lembut dan sebagainya. Penubuhan akta ini adalah untuk memulihara, memelihara dan memberi perlindungan kepada golongan remaja kerana mereka merupakan aset negara dan masih mempunyai masa depan yang panjang", katanya kepada pemberita selepas menjadi tetamu dalam Program Selamat Pagi Malaysia, di sini.

Katanya, setiap pesalah remaja wajar diberikan peluang kedua untuk memperbaiki kesilapan yang telah dilakukan.

Pendekatan tersebut selari dengan Akta Kanak-Kanak 2001 yang menekankan aspek pemulihan, bukannya hukuman semata-mata.

"Proses perundangan terhadap kanak-kanak adalah berbeza. Perintah-perintah yang bakal dikenakan sekiranya didapati bersalah adalah bersesuaian dengan fakta kes tersebut. Sekiranya kes itu berat seperti yang berlaku baru-baru ini, mereka juga akan dikenakan tahanan dan bukannya dibebaskan atau dilepaskan begitu sahaja. Proses tahanan ini berbeza dengan tahanan pesalah dewasa, bagi pesalah remaja akan dikenakan proses tahanan pemenjaraan bawah perkenan Yang di-Pertuan Agong", katanya lagi.

# JPW teruskan komitmen perkasa masyarakat luar bandar menerusi program KAM

By Editor 18/10/2025




Oleh Zihan Zari

BANTING – Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) meneruskan komitmennya dalam memperkasa masyarakat luar bandar melalui di bawah inisiatif Program Kampung Angkat MADANI (KAM) 2025.

Ketua Pengarahnya, Hanani Sapit berkata pelaksanaan program KAM bukan hanya melibatkan pembangunan fizikal, tetapi juga membina jaringan sosial dan memperkukuh nilai kebersamaan masyarakat.

Program ini juga sebagai sebahagian usaha menyemarakkan semangat MADANI dan memperkukuh hubungan antara kerajaan serta masyarakat akar umbi.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Majlis Perasmian Program Sehari Bersama Kampung Endah: Menghayati Semangat MADANI di di Dewan Jubli Emas, Kampung Endah, dekat sini baru-baru ini.

Turut hadir, Pengarah-Pengarah Bahagian, Pengarah Pejabat Pembangunan Wanita Negeri serta wakil jabatan dan agensi Persekutuan dan Negeri.

Hanani berkata, JPW komited untuk memastikan manfaat program ini terus dirasai oleh komuniti luar bandar selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI.

Menurut beliau, Kampung Endah dipilih sebagai kampung angkat JPW berdasarkan sejarah, keunikan komuniti, dan kesediaan penduduk untuk bersama-sama menjayakan inisiatif pembangunan masyarakat.

Katanya, sebanyak sembilan projek fizikal dan satu program kemasyarakatan sedang dilaksanakan dengan jumlah peruntukan keseluruhan RM1 juta, dua projek telah siap sepenuhnya manakala selebihnya dijangka selesai akhir Oktober ini.

Antaranya, projek utama menaik taraf telah direalisasikan bagi memberi manfaat terus kepada penduduk, termasuk penambahbaikan surau, perpustakaan awam, sistem siar raya, taman permainan kanak-kanak, pusat pos dan kemudahan di tanah perkuburan Islam.

"Sehingga September tahun ini kemajuan keseluruhan projek telah mencapai 73 peratus (%), menunjukkan pelaksanaan berada pada landasan yang baik dan dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh yang ditetapkan, "katanya lagi.

Program sehari ini turut menyajikan pelbagai aktiviti komuniti seperti Festival Makanan Jawa, pertandingan memasak, ekspresi seni kanak-kanak dan tayangan wayang pacak bagi menyemai semangat kekitaan serta memperkukuh jaringan sosial.

Selain itu, perkhidmatan kerajaan turut dibawa ke Kampung Endah melalui penganjuran ceramah psikologi, program bersama ibu tunggal, gotong-royong perdana serta aktiviti mengecat dewan bagi menggalakkan penyertaan aktif komuniti setempat.-SUARA.TV

# RAKYAT PAHANG PERLU MANFAATKAN PELBAGAI BANTUAN DI BAWAH I.M PAHANG

19 October, 2025




*Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang, YB. Dato' Sabariah Saidan pada sesi Exco Talk bersempena Karnival Aspirasi Pahang1st Raub yang diadakan di Kampung Gali Tengah.*

Oleh : Norhafizan Zulkifli

RAUB, 18 OKTOBER 2025 : Masyarakat negeri ini diingatkan agar terus memanfaatkan pelbagai bentuk bantuan dan inisiatif yang disediakan oleh Kerajaan Negeri menerusi Inisiatif Makmur Pahang (I.M Pahang).

Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang, YB. Dato' Sabariah Saidan pelbagai program dan bantuan di bawah I.M Pahang diwujudkan bagi memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara, khususnya dalam aspek kebajikan dan kekeluargaan.

Beliau berkata, antara inisiatif yang mendapat sambutan ialah Program Anggun Suri (Kahwin Beramai-ramai) yang bertujuan membantu golongan muda berpendapatan rendah mendirikan rumah tangga.

"Sebanyak RM1 juta telah diperuntukkan bagi menjayakan Program Anggun Suri tahun ini. Saya mengajak pasangan yang bakal mendirikan rumah tangga supaya membuat permohonan dan tidak melepaskan peluang yang disediakan oleh Kerajaan Negeri. Masih ada kekosongan yang boleh diisi," katanya.




*Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang, YB. Dato' Sabariah Saidan ketika sesi Exco Talk bersempena Karnival Aspirasi Pahang1st Raub yang diadakan di Kampung Gali Tengah.*

Beliau berkata demikian ketika sesi Exco Talk bersempena Karnival Aspirasi Pahang1st Raub yang diadakan di Kampung Gali Tengah, di sini hari ini.

Terdahulu, hari kedua Karnival Aspirasi Pahang1st Raub dimulakan dengan Aspirasi Aerobathon Pahang1st yang disertai penduduk setempat, sebelum diteruskan dengan sesi Exco Talk.

Majlis turut dimeriahkan dengan penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan Aerobathon serta tiga hadiah cabutan bertuah kepada peserta bertuah.

YB. Dato' Sabariah turut meluangkan masa meninjau reruai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang turut mengambil bahagian dalam karnival tersebut bersama beberapa agensi kerajaan lain. - PAHANGMEDIA

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | NEW S.O.P TO SPEED UP CHILD CASES | | | |
| HARI | : | SUNDAY | AKHBAR | : | NEW SUNDAY TIMES |
| TARIKH | : | 19 OKTOBER 2025 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



CHILD VICTIMS AND OFFENDERS

# NEW S.O.P. TO SPEED UP CHILD CASES

New rules aim to resolve cases involving minors within a year, says Azalina




*Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) Datuk Seri Azalina Othman Said (third from left) witnessing the handover of the Pengerang New Court Building project in Bandar Penawar, Kota Tinggi, yesterday.* NSTP PIC BY NAJMI NOR'AZAM

IZZ LAILY HUSSEIN AND
NOR AIN MOHAMED RADHI
**KOTA TINGGI**
news@nst.com.my

A NEW standard operating procedure (SOP) for handling cases involving children will be launched on Oct 24 to ensure these cases — whether involving child victims or offenders — are resolved within a year.

Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) Datuk Seri Azalina Othman Said said the move is part of efforts to improve the efficiency and sensitivity of the judicial process for minors.

"The chief justice and chief judge of Malaya have agreed that cases involving children must be given priority."

She said this after witnessing the handover of the Pengerang New Court Building Project in Bandar Penawar.

She said that delays in children's cases were often due to postponements, judicial constraints and logistical challenges.

"When cases involve children, the court process differs.

"For example, special rooms are required for children to give testimony in sexual offence cases."

She said that evidence vans have also been introduced to expedite the recording of children's testimonies.

"If a case drags on, a child may grow up and later refuse to testify due to shame or other reasons," she added.

Child rights advocates welcome the initiative but cautioned that its effectiveness will depend heavily on implementation and inter-agency coordination.

Yayasan Chow Kit co-founder Datuk Dr Hartini Zainudin described the SOP as "a great move by the minister" but said its success depends on proper execution.

"The issue is always implementation.

"How well agencies coordinate, how trained frontliners are in child-sensitive handling, and whether children truly experience faster, fairer outcomes — that's the real test," she said.

She said the one-year resolution target was ambitious yet achievable if backed by training, accountability mechanisms and resources for social welfare officers, prosecutors and investigators. "Right now, it's something to strive for but hard to achieve just yet," she added.

Human Rights Commission of Malaysia (Suhakam) Children's Commissioner Dr Farah Nini Dusuki also lauded the move, saying that children's cases required urgency due to their age and vulnerabilities.

"Although laws such as the Sexual Offences Against Children Act 2017 and the Evidence of Child Witness Act 2007 have been amended to strengthen protection, a clear and decisive SOP is needed to ensure smooth coordination among agencies."

She added that cases involving child victims often required coordination between multiple parties, including doctors, police, social welfare officers and court personnel.

"Without a clear SOP spelling out each step, agencies tend to rely on their adult-focused procedures, which are often not child-friendly and can be time-consuming.

"With this new SOP, we hope child-related cases can be resolved more swiftly, in the best interests of the child, and prevent secondary victimisation," she said.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK : | SEMUA KES BABIT KANAK-KANAK DISELESAI DALAM TEMPOH SETAHUN | | | |
| HARI : | SUNDAY | | AKHBAR : | BERITA HARIAN AHAD |
| TARIKH : | 19 OKTOBER 2025 | | M/SURAT : | 04 |
| TONE : | POSITIF | | SEKTOR : | KPWKM |

# Semua kes babit kanak-kanak diselesai dalam tempoh setahun

## SOP dilancar 24 Oktober ini perkukuh sistem keadilan, atasi kelewatan prosiding

Oleh Izz Laily Hussein
bhnews@bh.com.my

**Kota Tinggi:** Kerajaan akan melancarkan prosedur operasi standard (SOP) baharu bagi memastikan semua kes membabitkan kanak-kanak diselesaikan dalam tempoh setahun.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said, berkata garis panduan itu akan dilancarkan pada 24 Oktober ini di Istana Kehakiman sebagai sebahagian usaha memperkukuh sistem keadilan kanak-kanak di negara ini.

Beliau berkata, langkah itu juga antara lain bagi mengatasi kelewatan prosiding mahkamah yang menyebabkan kanak-kanak enggan tampil semula sebagai saksi apabila dewasa.

"Minggu depan, SOP khas bagi kes kanak-kanak akan dilancarkan. Ketua Hakim Negara dan Ketua Hakim Malaya juga telah bersetuju bahawa kes kanak-kanak mesti diberi keutamaan.

"Antara cabaran dikenal pasti sebelum ini ialah kelewatan kes disebabkan faktor seperti penangguhan, kekangan hakim dan logistik," katanya pada sidang media selepas Majlis Penyerahan Projek Pembinaan Mahkamah Baharu Pengerang, di sini semalam.

### Sedia bilik khas

Azalina yang juga Ahli Parlimen Pengerang berkata, antara isu penting yang dilihat apabila kes membabitkan kanak-kanak, proses di mahkamah adalah berbeza.

"Contohnya, bagi kes jenayah seksual dan saksi kanak-kanak, mahkamah perlu menyediakan bilik khas. Sebab itu, kita juga ada memperkenalkan van keterangan bagi mempercepatkan proses pengambilan keterangan kanak-kanak.

"Ini kerana jika berlaku kelewatan kes, bila kanak-kanak itu sudah dewasa, mereka enggan menjadi saksi kerana malu dan sebagainya," katanya.

Sementara itu, Azalina berkata, cadangan larangan penggunaan telefon pintar bagi pelajar berusia 16 tahun ke bawah seperti disyorkan Jemaah Menteri, perlu dilihat seiring dengan pelaksanaan instrumen undang-undang sedia ada bagi melindungi keselamatan dan kebajikan kanak-kanak.

Beliau berkata, isu penggunaan telefon pintar dalam kalangan pelajar perlu diperhalusi dengan mengambil kira amalan di beberapa negara lain yang menetapkan had umur antara 13 hingga 16 tahun.

"Ada negara 13 tahun ke bawah, ada yang 16 tahun. Saya percaya Kabinet sudah berbincang dan seperti yang disebutkan Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil semalam (kelmarin), had umur yang dicadangkan adalah 16 tahun ke bawah. Namun, kerajaan akan berbincang lanjut dengan platform media sosial.

"Perkara yang bagusnya, kita sudah mempunyai akta ancaman dalam talian yang dirangka bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan Bahagian Undang-Undang.

"Pelaksanaan akta berkenaan akan bantu pemantauan terhadap platform media sosial apabila diarahkan oleh kerajaan," katanya.




| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ONE-YEAR DEADLINE TO CLOSE CHILD COURT CASES | | | |
| HARI | : | SUNDAY | AKHBAR | : | SUNDAY STAR |
| TARIKH | : | 19 OKTOBER 2025 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# One-year dead ine to close child court cases

**By MOHD FARHAAN SHAH**
farhaan@thestar.com.my

**PENGERANG:** All court cases involving children, whether they are offenders or victims, must be prioritised and resolved within one year, says Datuk Seri Azalina Othman Said.

The Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) added the government is introducing new guidelines and standard operating procedure (SOP) to ensure cases involving minors are handled swiftly and sensitively.

"We want all cases involving children, whether they are accused or victims, to be completed within a year.

"This will become a guideline for the courts and the Attorney General's Chambers," she said after the handing-over ceremony of the new Pengerang court building yesterday.

Azalina said the initiative, agreed upon by the Chief Justice and Chief Judge of Malaya, will be launched on Friday at the Palace of Justice.

She said special courtrooms for sexual crimes and child abuse cases, along with "evidence vans" to record testimony from young witnesses, are among the measures being introduced to support the process.

"Sometimes when a case is delayed, a child witness may later refuse to testify as they grow older or feel ashamed. That is why these new instruments, including mobile recording facilities, are important," she added.

Azalina said that the new SOP aims to reassure parents that schools and the justice system are safe and responsive when handling cases involving minors.

On another matter, she stated that talks are progressing with social media platforms to restrict access for users aged 16 and below, an age limit that aligns with regulations in several other countries.

"The good thing is that we already have the Online Harms Act, developed with the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) and the Legal Affairs Division.

"Its implementation will strengthen monitoring of social media platforms when directed by the government."

Azalina also said that the government plans to create more maritime courts nationwide to handle cases related to maritime law and sea trade.

"Currently, we only have one maritime court in Kuala Lumpur. But with the growing number of maritime-related cases, especially in Johor, Sarawak and Langkawi, there is a need to set up more."

Azalina said she is working with Transport Minister Anthony Loke to improve legal frameworks under the Maritime Act, and hopes that proposed amendments can be tabled in Parliament next year.

"My focus is on ensuring that the courts are ready to facilitate new maritime laws. The legal provisions already exist, but we want to strengthen and modernise them," Azalina added.




**Legal infrastructure:** Azalina (centre) witnessing the handover of a replica key for the Johor Pengerang court building between the Johor Public Works Department and Legal Affairs Department. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | GOVERNMENT TARGERS ONE-YEAR RESOLUTION FOR CHILD-RELATED CASES WITH NEWS SOP | | | |
| HARI | : | SUNDAY | AKHBAR | : | THE SUNDAY POST |
| TARIKH | : | 19 OKTOBER 2025 | M/SURAT | : | 01 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Government targets one-year resolution for child-related cases with new SOP

**KOTA TINGGI:** The government will introduce a new standard operating procedure (SOP) to ensure that all court cases involving minors are resolved within a year, said Minister in Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) Datuk Seri Azalina Othman Said.

She said the guidelines would be launched on Oct 24 at the Palace of Justice, as part of ongoing efforts to strengthen the judicial system for children.

She said the measure was also intended to address court delays, which could cause child witnesses to be reluctant to testify again upon reaching reach adulthood.

"We want all cases involving children, whether they are the accused or the victim, to be resolved within one year.

"Our focus is clear: cases involving child perpetrators or victims must be prioritised.

"This is a principle that the Chief Justice and the Chief Judge of Malaya have agreed upon," she told reporters after the handing-over ceremony forthe new Pengerang Court yesterday.

Azalina added that the government had already adopted several measures to expedite cases involving minors, such as specialist evidence-taking vans to simplify recording testimony from underage witnesses.
— Bernama

# Kes mahkamah babitkan kanak-kanak mesti selesai dalam tempoh setahun

BERNAMA



Azalina Othman.

Kota Tinggi: Kerajaan akan melancarkan prosedur operasi standard (SOP) baharu bagi memastikan semua kes mahkamah membabitkan kanak-kanak diselesaikan dalam tempoh setahun.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, garis panduan berkenaan akan dilancarkan pada 24 Oktober ini di Istana Kehakiman sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh sistem keadilan kanak-kanak di negara ini.

Menurut Azalina, langkah itu juga antara lain bagi mengatasi kelewatan prosiding mahkamah yang menyebabkan kanak-kanak enggan tampil semula sebagai saksi apabila dewasa.

"Kita nakkan supaya semua kes yang membabitkan kanak-kanak sama ada yang didakwa ataupun menjadi mangsa, kes-kes ini mesti diselesaikan dalam masa satu tahun. Itu akan menjadi garis panduan kepada mahkamah.

"Bagi pihak hal ehwal undang-undang dan mahkamah, memang fokus kalau kanak-kanak jadi pelaku atau mangsa, kes membabitkan mereka mesti menjadi keutamaan. Itu yang akan Ketua Hakim Negara dan Hakim Besar Malaya pun setuju," katanya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Penyerahan Projek Pembinaan Mahkamah Pengerang, di sini, hari ini.

Beliau berkata dalam usaha menyelesaikan kes membabitkan kanak-kanak, kerajaan sudah melaksanakan beberapa inisiatif misalnya penggunaan kemudahan seperti van keterangan bagi memudahkan proses pengambilan keterangan saksi bawah umur.

Sementara itu, Azalina berkata, cadangan larangan penggunaan telefon pintar bagi pelajar berusia 16 tahun ke bawah seperti disyorkan Jemaah Menteri semalam, perlu dilihat seiring dengan pelaksanaan instrumen undang-undang sedia ada bagi melindungi keselamatan dan kebajikan kanak-kanak.

Beliau berkata, isu penggunaan telefon pintar dalam kalangan pelajar perlu diperhalusi dengan mengambil kira amalan di beberapa negara lain yang menetapkan had umur antara 13 hingga 16 tahun.

"Saya percaya Menteri Kabinet sudah berbincang mengenai perkara ini dan Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil juga berkata perkara ini masih dalam perbincangan bersama platform media sosial.

"Yang penting, kita sudah ada akta ancaman dalam talian yang dibangunkan bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU). Pelaksanaan akta itu akan membantu penguatkuasaan dan pemantauan terhadap platform media sosial apabila diarahkan kerajaan," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam dipetik berkata, langkah itu dipertimbangkan susulan kebimbangan terhadap kesan ketagihan serta kecenderungan kepada perilaku jenayah akibat pendedahan berlebihan terhadap kandungan digital.

Dalam pada itu, Mahkamah Pengerang yang dibina pada Mei 2022 dengan kos kira-kira RM17 juta dan siap sepenuhnya pada Ogos lalu, dijangka memulakan operasi pada 1 November ini.

**Disiarkan pada: Oktober 18, 2025 @ 2:24pm**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | COUNCIL URGES HOLISTIC APPROACH TO ADDRESS RISE IN CHILD CRIME | | | |
| HARI | : | SUNDAY | AKHBAR | : | THE SUNDAY POST |
| TARIKH | : | 19 OKTOBER 2025 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Council urges holistic approach to address rise in child crime

**MIRI:** The Malaysia Council for Child Welfare (MKKM) has called for a comprehensive, multi-angle approach to address the recent rise in crimes involving children.

Its president Dato Yasmeen Shariff said while numerous awareness programmes on child-related issues had been carried out, more in-depth efforts would be needed to understand the root causes of such behaviour.

"There is a pressing need to enhance safety measures in schools, including the installation of CCTVs (closed-circuit televisions), emergency buttons, and the implementation of school safety SOPs (standard operating procedures), with regular audits by the Ministry of Education.

"We also need to strengthen legal literacy programmes for teachers, parents, and students," she said in a statement.

Yasmeen noted that the recent increase in reported cases of youth depression and suicide highlighted the need for more proactive interventions.

Meanwhile, MKKM vice-president Prof Dr Kamal Kenny said depression in adolescents was often under-diagnosed compared to adults, as its symptoms could be misunderstood or overlooked.

"Irritability, mood fluctuations, and behavioural changes are often dismissed as part typical adolescent traits rather than signs of depression.

"Depression can also be missed when it manifests through physical complaints, eating disorders, anxiety, refusal to attend school, academic decline, substance abuse, or behavioural problems, which may be mistaken as mere attitude issues."

He added that untreated depression could affect young people's sexual and reproductive health, as highlighted by healthcare providers who had long advocated for early intervention.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | RAPE IS RAPE: A VIOLENT CRIME | | |
| HARI | : | SUNDAY | AKHBAR : | SUNDAY STAR |
| TARIKH | : | 19 OKTOBER 2025 | M/SURAT : | 22&23 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Rape is rape: a violent crime

## Let's unite to end violence against all women and girls.

By MANOHARA SUBRAMANIAM

THE recent wave of violent crimes against girls – from acts of bullying and rape to murder – has awakened the country to the brutal reality that our schools are no longer safe.

While unrelated, the seemingly escalating school violence is alarming. More insidious was the report of a second alleged gang rape in a Malaysian school, especially after it was speculated that videos of the sexual assault were being sold over the dark web.

What compounded our anguish was the immediate response to these heinous crimes – the brushing aside of the serious nature of the sexual crimes and focusing on the perpetrators' examination dilemma, rather than centering the conversation on the underlying causes of violence against women and girls.

Let's be clear: Rape is a violent crime, not a moral or behavioural act. It causes physical, psychological, and emotional harm and violates a person's bodily integrity and autonomy. Using the term "sexual misconduct" downplays the severity of the crime, making it sound like mere inappropriate behaviour or a violation of a code of conduct rather than a serious assault.

Befitting the crime, the perpetrators must be remanded, investigated, and tried. We should not downplay the gravity of violence against women and reinforce harmful cultural norms and systemic barriers that excuse perpetrators while silencing and shaming survivors.

The latest figures from the Department of Statistics shows that in 2023, physical sexual assault on a child recorded the highest number of cases among sexual offence cases with 1,389 cases. Rape cases increased by 12.1% to 1,899 cases. Overall, a total of 6,281 cases of sexual crime were reported in 2023, which means an average of 17.45 cases per day. In most cases, I dare say, it is violence targeted at young girls and women.



Gender-based violence: Rape causes physical, psychological, and emotional harm while violating a person's bodily autonomy. — 123rf

From January to March this year, AWAM recorded 88 cases of Gender-Based Violence reported across various media outlets, impacting 164 survivors and resulting in 11 deaths.

There is no one approach to deal with sexual crime. However, my colleagues and I totally disagree with caning or other violent forms of punishment. Our society must not cure violence with more violence as suggested by some quarters. What we desperately need is better values starting with the youth; and educators including teachers, parents and education department authorities to see ending gender-based violence as their national responsibility.

Women's organisations have long campaigned for a multisectoral approach towards ending gender-based violence. We need to view gender-based violence with an intersectional lens which integrate laws, policies, and procedures to ensure that a survivor-centered approach free from prejudicial stereotypes, is always applied. Every survivor is entitled to justice and support, and systems must be designed to cater to a diverse range of needs and identities.

We fail our survivors because our society does not understand the kind of psychological, physical, emotional trauma that comes with the violence. Trauma is repeated for survivors because she keeps reliving it through her parents, at school, through counsellors, the police, courts, and lawyers. One can never fully imagine what a survivor has to go through and yet we only recommend counselling as though it is an end-all solution. Counselling must be complemented with other changes.

We need supporting strategies to make sure that awareness intersect with systemic transformation of the institutions.

Adopt comprehensive sexuality education or call it an educational curriculum on respect, dignity and humane treatment of one another. It is good that the Education Ministry is looking into this but we need to begin the education not today but yesterday. Comprehensive sexuality education is meant to provide accurate, age-appropriate information about sexuality, sexual health, and empowering boys and girls to make informed decisions and learn how to build respectful, non-violent and healthy relationships.

Adopt a multisectoral approach to address gender-based violence, including sexual violence. This approach requires all key agencies (government and non-government) to prioritise addressing violence against women via joint planning, undertaking of key actions, and monitoring of progress to ensure that rights-based frameworks are put in place and implemented to address the discriminatory social norms that threaten the rights of women and girls.

The multisectoral approach can comprise the following:

• Incorporate existing teaching tools to teach school and university students respectful relationships and we can start with teaching four to five-year-old children what is good touch and bad touch, and how to report abuses.

• Women, Family and Community Development Ministry to work with other Ministries to begin gender equality education for all civil servants and set standards on equal treatment and human dignity;

• Home Ministry can extend gender equality education to the police, customs and immigration.

• Communications Ministry and Digital Ministry can publicise on all media that Sexual Violence is a Crime and will not be tolerated.

Adopting a safe and non-violent education environment is what all schools and universities must strive for. We have cases of students who are bullied and some killed, and others who commit suicide, and yet those who speak out against sexual harassment are penalised. It is the role and responsibility of society as a whole to begin building positive values for our future.

Why such massive effort for just one or two cases? It is not just a few cases as it is a whole society's fight against gender-based violence and efforts to transform Malaysia into an equal and violence-free society.

We must ensure all corners are covered so that there is no repeat of any harassment, rape or assault cases. It will send the right message to our young and old that Malaysia rejects all forms of violence against women, young girls and boys.

**Manohara Subramaniam is a council member and senior trainer with Martabat PJ, a community-based organisation that empowers women, youth, and marginalised groups through rights-based approaches. The views expressed here are solely the writer's own.**

## Usahawan wanita perlu kuasai teknologi, pasaran digital – Ahmad Zahid

18 Oktober 2025, 5:33pm




**Oleh: Safwan Sawi**

**KOTA KINABALU:** Usahawan wanita diseru agar berani melangkah ke hadapan dengan menguasai kemahiran digital dan memperkukuh daya saing dalam ekonomi moden.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, berkata kerajaan menerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA) serta agensi di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) komited membantu memperkukuh keusahawanan wanita, termasuk menyediakan latihan dan pembiayaan berstruktur.

"Kita mesti mendidik usahawan wanita supaya lebih celik digital, mampu mengadaptasi perubahan dan berdaya saing dalam ekonomi masa depan," katanya ketika berucap program Pemerkasaan Wanita MARA dan Seminar Kenegaraan Malaysia Madani 2025 peringkat negeri Sabah, di sini, hari ini.




Turut hadir Pengerusi MARA, Datuk Asyraf Wajdi Dusuki; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Zambry Abd Kadir; Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Noraini Ahmad serta Penasihat Kehormat Kebangsaan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Datuk Seri Bung Moktar Radin.

Jelas Ahmad Zahid lagi, pendekatan MARA bukan sekadar memberi pinjaman atau kursus, sebaliknya memastikan pemantauan serta tindakan susulan dilaksanakan bagi menilai keberkesanan bantuan yang diberikan.

Katanya, kerajaan juga menetapkan sasaran sekurang-kurangnya lima peratus usahawan mikro ditingkatkan ke kategori kecil setiap tahun, manakala lima peratus usahawan kecil pula dinaikkan ke tahap sederhana.

Ujarnya, produk halal antara bidang yang perlu diteroka dengan lebih agresif kerana permintaan global semakin meningkat dan berpotensi besar untuk diterajui oleh usahawan wanita tempatan.

"Produk halal ini bukan hanya untuk orang Islam. Permintaan terhadap produk halal berada di tahap tiga trilion USD pada tahun 2020 dan dijangka meningkat kepada lima trilion USD pada tahun 2030," katanya.

Selain aspek latihan dan pembiayaan, beliau turut mengingatkan agensi kerajaan supaya lebih proaktif turun padang membantu usahawan luar bandar, terutama wanita yang kurang akses kepada maklumat dan kemudahan digital.

Katanya, semangat kebersamaan dan saling membimbing antara usahawan berjaya dengan usahawan baharu juga penting dalam membentuk ekosistem keusahawanan wanita yang kukuh.

"Apabila kita membantu orang lain untuk berjaya, sebenarnya kita sedang membuka lebih banyak pintu rezeki untuk diri kita sendiri," katanya.

Ahmad Zahid menegaskan, kejayaan wanita dalam bidang keusahawanan bukan sahaja memperkukuh ekonomi keluarga, malah menjadi penyumbang penting kepada kemakmuran negara.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK : | WANITA, IBU TUNGGAL BANGKIT UBAH NASIB MELALUI KEUSAHAWANAN | | | |
| HARI : | SUNDAY | AKHBAR : | BERITA HARIAN AHAD |
| TARIKH : | 19 OKTOBER 2025 | M/SURAT : | 16 |
| TONE : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Wanita, ibu tunggal bangkit ubah nasib melalui keusahawanan

## Pembiayaan TEKUN Nasional bina semula kehidupan menerusi perniagaan

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Dalam mendepani cabaran ekonomi dan tanggungjawab keluarga, ramai wanita termasuk golongan ibu tunggal memilih untuk bangkit melalui bidang keusahawanan.

Dengan sokongan pembiayaan mikro disediakan kerajaan seperti TEKUN Nasional dan bantuan pelbagai pihak, mereka bukan sahaja dapat mencari sumber pendapatan tetapi berupaya membina semula kehidupan dan keyakinan diri.

Menerusi Belanjawan 2026, jumlah kemudahan pinjaman dan jaminan kerajaan yang tersedia untuk manfaat usahawan tempatan bernilai RM50 bilion, meningkat berbanding RM40 bilion pada 2025.

Daripada jumlah peruntukan itu, lebih RM2.5 bilion pinjaman mikro disediakan antaranya di bawah BSN dan TEKUN.

Belanjawan 2026 MALAYSIA MADANI

Rosaini Mokol, 41, dari Kota Kinabalu, Sabah mengusahakan perkhidmatan pembersihan sejak 2016 selepas mendapat pembiayaan TEKUN Nasional.

Ibu tunggal tiga anak berusia antara 13 hingga 16 tahun itu cekal mengusahakan perniagaan ketika masih bergelar seorang suri rumah.

Sebagai wanita, beliau menyedari keperluan mencari pekerjaan sebagai jaminan masa depan, selain menyara kehidupan anak-anak.

"Saya mendapat idea menjalankan perkhidmatan ini selepas mendapati tidak ramai yang menawarkan perkhidmatan pencucian di rumah dan pejabat di kawasan saya tinggal.

"Saya bersyukur dengan pilihan ini kerana selain dapat menyara anak-anak, hasilnya turut membolehkan saya membantu ahli keluarga lain," katanya.

### Sentiasa bersikap positif

Walaupun berhadapan pelbagai cabaran dalam hidup, termasuk menjaga anak sulung yang memerlukan lebih perhatian kerana menghidap autisme, Rosaini memilih untuk sentiasa bersikap positif dan membulat tekad mengubah nasib keluarga.



*Rosaini bersama pekerjanya yang menjalankan perkhidmatan pembersihan sejak 2016 selepas mendapat pembiayaan TEKUN Nasional.*

> "Pada 2023, saya mendapat pembiayaan TEKUN Nasional untuk menambah baik salun seperti membeli produk dan menaik taraf mesin sedia ada"
>
> *Sharifah Natasya Syed Mohd Bakhir,* Pengusaha salun



"Setiap orang ada cabaran masing-masing dan apa yang penting ialah kita perlu bijak mengendalikannya.

"Jangan lepaskan setiap peluang yang ada kerana memang bukan mudah untuk memulakan, tetapi saya yakin semuanya membawa sinar baharu apabila hasilnya mula kelihatan," katanya.

Bagi Sharifah Natasya Syed Mohd Bakhir, 34, pula, dia mengambil keputusan berhenti kerja selepas 12 tahun berada di bawah majikan dan membuka salun rambut Muslimah di Alor Setar, Kedah pada 2021.

Ibu tunggal kepada empat anak itu bersyukur dengan pilihannya itu kerana kini dia bukan sahaja mampu membuat keputusan sendiri dalam perniagaan tetapi juga lebih yakin dalam hidup.

"Pada 2023, saya mendapat pembiayaan TEKUN Nasional untuk menambah baik salun seperti membeli produk dan menaik taraf mesin sedia ada kerana mahu memberi lebih tumpuan pada perniagaan.

"Sebagai wanita dan ibu tunggal memang banyak cabarannya dalam berniaga, tetapi syukurlah saya dapat bahagikan masa sebaiknya.

"Bagi saya, wanita terutama ibu tunggal perlu kuatkan semangat dan jangan takut mengubah nasib untuk menjadi lebih baik.

"Kalau nak berniaga, banyak bantuan dan insentif disediakan kerajaan. Kalau kita ambil tahu dan ikut cara yang betul, insya-Allah, ada hasilnya," katanya.

# Remaja lelaki jadi mangsa gangguan seksual siak masjid

Amirul Aiman Hamsuddin
am@hmetro.com.my



FOTO HIASAN

Shah Alam: Remaja lelaki menempuh detik hitam apabila menjadi mangsa gangguan seksual seorang siak masjid ketika menumpang keretanya, Rabu lalu.

Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, Superintendan Ibrahim Husin berkata, polis menerima laporan daripada mangsa berusia 15 tahun pada 3.41 petang hari sama.

"Hasil siasatan mendapati remaja itu menaiki kereta lelaki warga tempatan berusia 44 tahun dari stesen bas Bukit Sentosa ke sebuah masjid untuk bertemu dengan rakannya.

"Mangsa mengenali suspek semasa menumpang di masjid terbabit sejak Disember tahun lalu," katanya ketika dihubungi, malam tadi.

Ibrahim berkata, hasil siasatan mendapati suspek yang bekerja di sebuah masjid di Bukit Sentosa bertindak melakukan perbuatan itu semasa menaiki keretanya, selain menghantar mesej berbaur lucah ke telefon bimbit mangsa.

Bertindak atas maklumat, beliau berkata, Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Hulu Selangor menahan suspek pada 12.30 tengah malam Khamis di rumahnya di Bukit Sentosa, Rawang.

"Semakan mendapati lelaki itu tidak mempunyai sebarang rekod lampau. Dia direman selama tujuh hari sehingga Rabu depan bagi membantu siasatan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 14 Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017," katanya.

Sabit kesalahan, dia boleh dipenjara sehingga 20 tahun atau dihukum dengan sebatan.

**Disiarkan pada: Oktober 18, 2025 @ 7:40am**

## Debt-stricken father abandons two young sons in apartment

By New Straits Times October 18, 2025 @ 8:10pm




Low said the Welfare Department is still trying to locate the boys' father and other relatives before deciding on further arrangements for their care. - Pic from Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka's Facebook

KUALA LUMPUR: Two brothers, aged nine and 10, were left to fend for themselves after their father, believed to be debt-stricken, abandoned them in their apartment in Kota Laksamana, Melaka.

Their plight came to light after neighbours alerted Kota Laksamana assemblyman Low Chee Leong, saying the boys had been wandering around the apartment block over the past two weeks.

Low said the Welfare Department is still trying to locate the boys' father and other relatives before deciding on further arrangements for their care.

"So far, no one has come forward to take over their guardianship.

"We contacted their uncle, but he declined," he said.

Low said the boys' mother left home three years ago. Their father, who ran a noodle stall in the city, has not been seen for two weeks.

"My assistant tried calling her, but she didn't answer. She only replied via WhatsApp, saying she is no longer in Malaysia and had already left her three children in their father's care," he said.

According to China Press, the boys' 13-year-old brother is staying with another guardian.

He attends school in the morning and works in the afternoon.

The younger boys, who attend a primary school in Melaka town, have not gone to class since their father disappeared.

Although their father has been missing for two weeks, China Press reported that the apartment was well kept, with instant noodles, biscuits, cakes and other food items on the living room table.

However, the family owed more than RM800 in electricity bills.

Low said he and the Welfare Department are monitoring the situation closely to ensure the children's well-being while efforts continue to locate their father.

Although they had initially refused, the boys are now staying with their grandmother until further arrangements are made, Low said.

The Welfare Department said it is standard procedure to locate a child's next of kin before making permanent care arrangements.

Asked whether the father would face legal action for abandoning his children, Low said that decision would be up to the Welfare Department.

Separately, on Oct 15, a single father in Teluk Intan, Perak, who was struggling financially, resorted to handing over his three young children to a welfare home.

The lorry driver, who works for a construction company in Kuala Lumpur, earns about RM2,600 a month.

He said he married a Vietnamese woman who worked at a café in Teluk Intan in 2016.

The couple had three children – two daughters and a son – but later separated due to irreconcilable differences.

# Ibu, anak dipercayai dibunuh dalam keadaan mengerikan

Audrey Dermawan dan Nur Izzati Mohamad
am@hmetro.com.my




GAMBAR hiasan

Juru: Wanita dan anaknya ditemui maut dipercayai dibunuh di rumah sewa mereka di sebuah kampung di sini, hari ini.

Difahamkan, mayat wanita itu dan anak perempuannya berusia 11 tahun ditemui suaminya pada jam 7.30 malam.

Turut difahamkan mayat wanita ditemui di bahagian dapur rumah dalam keadaan mengerikan dengan kepala hampir putus, manakala anak perempuan di tingkat atas rumah dalam keadaan berlumuran darah.

Setakat ini, polis sedang menjalankan siasatan di tempat kejadian.

Sementara itu, seorang jiran mangsa yang enggan dikenali berkata, pasangan terbabit baru menyewa rumah berkenaan dan kanak-kanak itu adalah anak tiri lelaki terbabit.

"Kami mengetahui kejadian selepas lelaki itu memaklumkan dalam kumpulan WhatsApp penduduk," kata jiran berkenaan.

Sementara itu, Ketua Polis Pulau Pinang Datuk Azizee Ismail ketika dihubungi mengesahkan kejadian berkenaan.

"Insiden melibatkan mangsa mangsa wanita berusia 51 tahun dan anak berusia 11 tahun. Siasatan lanjut masih diteruskan pihak polis," katanya.

**Disiarkan pada: Oktober 18, 2025 @ 11:51pm**